



Health
Screening
Program **HSP**
Program
Saringan
Kesihatan
PERKESO

PROGRAM RAWATAN BENCANA KERJA (RBK)




PROGRAM RAWATAN BENCANA KERJA

1. Program Rawatan Bencana Kerja (RBK) merupakan kesinambungan daripada Faedah Perubatan (BGB) di mana program ini menggunakan aplikasi dan portal SEHATi dalam usaha memudahkan akses kepada untuk mendapatkan rawatan.
2. Merupakan kemudahan yang disediakan oleh PERKESO untuk pencarum yang ditimpa kemalangan di tempat kerja bagi mendapatkan rawatan kecemasan di Klinik Panel PERKESO yang berdaftar.


OBJEKTIF

- ⊕ Meluaskan akses pekerja kepada faedah perubatan PERKESO dengan rangkaian perkhidmatan Klinik Panel PERKESO yang lebih luas;
- ⊕ Memudahkan pekerja mendapatkan rawatan kecemasan tanpa perlu mendahulukan wang bagi bayaran rawatan;
- ⊕ Pendigitalan dalam penyampaian faedah kepada pekerja.



KELAYAKAN

- ⊕ Pencarum (warganegara dan pekerja asing) yang aktif di bawah Skim Bencana Pekerjaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)
- ⊕ Mengalami kecederaan akibat daripada kemalangan yang berlaku di tempat kerja sahaja, tidak termasuk kemalangan perjalanan atau penyakit khidmat.




JENIS KECEDEeraan DAN RAWATAN

KATEGORI A

Kategori A merupakan rawatan klinikal bagi kecederaan yang boleh dikategorikan sebagai kecederaan ringan, sederhana dan parah.

Rawatan di bawah kategori ini merangkumi:

- Konsultasi;
- Rawatan kecemasan;
- Ubat-ubatan dan pembalutan;
- Sijil Cuti Sakit; dan
- Laporan Perubatan
- Termasuk rawatan susulan bagi kecederaan sederhana dan parah.



JENIS KECEDEeraan DAN RAWATAN

RAWATAN SUSULAN

Rawatan susulan **HANYA** terpakai bagi kes Kategori 'A' yang sederhana dan parah, dan dihadkan kepada **maksimum dua (2) sesi rawatan susulan sahaja**.

Rawatan susulan hanya boleh dilakukan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh rawatan pertama (termasuk sesi rawatan awal).

Kes yang memerlukan rawatan susulan adalah:

- Kes yang memerlukan jahitan;
- Melecur;
- Luka melecet yang besar;
- Kecederaan yang melibatkan deria / organ khas;
- Luka yang tercemar.



JENIS KECEDEeraan DAN RAWATAN

KATEGORI B

Kategori B adalah rawatan bagi kes yang tidak dapat diselesaikan di Klinik Panel PERKESO dan memerlukan rujukan lanjut ke Hospital Kerajaan.

Jenis rawatan yang boleh diterima sebelum dirujuk ke hospital termasuk:

- a) Konsultasi;
- b) Rawatan kecemasan (termasuk penjagaan luka utama, menghentikan pendarahan, pemasangan pembidaan kecederaan dan pembalutan);
- c) Imunisasi (jika diperlukan);
- d) Sebarang persediaan analgesik (jika diperlukan);
- e) Surat rujukan ke hospital.



JENIS KECEDEeraan DAN RAWATAN

KATEGORI C

Kategori C Adalah rawatan atau pembedahan yang melibatkan Pakar, (tidak termasuk pembedahan jenis 'E' dan 'F' mengikut Perintah Perubatan 1892).

Jenis rawatan yang termasuk dalam kategori ini adalah:

- a) Pemeriksaan radiologi
 - X-ray biasa 1 pandangan
 - X-ray biasa 2 pandangan
- b) Rawatan fisioterapi
- c) Rawatan pakar lain



BAGAIMANA PEKERJA BOLEH MENDAPATKAN RAWATAN MELALUI RBK?



HUBUNGI KAMI



Untuk senarai Klinik Panel RBK, sila layari laman web SEHATi di <https://sehati.perkeso.gov.my>



Hubungi di talian Hotline : **1-300-22-8000**



Emel kepada untuk pertanyaan lanjut.
sehati@perkeso.gov.my